

AMATI  
KINERJA DA  
JANUARI  
SEMPENA MENYAMBUT  
MILENIUM NEGERI SARAWAK  
DAN AKAN DIRUKA  
PADA 1 JANUARI 2050

ANNUAL REPORT 2009 / LAPORAN TAHUNAN 2009  
[www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)



PUSTAKA  
NEGERI  
SARAWAK



7.50959522 PUS

**CONTENTS / KANDUNGAN**

- 1 About Us / Mengenai Kami
- 2 Message from the Chairman / Perutusan Pengerusi
- 4 Organizational Chart / Carta Organisasi
- 5 The Board of Management / Lembaga Pengurusan
- 7 The Management Staff / Pihak Pengurusan
- 8 Corporate Highlights / Pencapaian Korporat
- 18 Statistical Summary / Ringkasan Statistik Korporat
- 25 Staff Activity Highlights / Pencapaian Aktiviti Staf
- 28 Staff Picture Gallery / Galeri Gambar Staf
- 34 Financial Statements / *Penyataan Laporan Kewangan*

**PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)**

Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium,  
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.  
Tel: 6 082 442000 | Fax: 6 082 449944

**PUSTAKA MIRI (MIRI STATE LIBRARY)**

Jalan Kipas, Miri City Fan,  
98000 Miri, Sarawak, Malaysia.  
Tel: 6 085 422525 | Fax: 6 085 414444

**REPOSITORI REKOD NEGERI (STATE RECORD REPOSITORY)**

Jalan Sultan Tengah,  
93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.  
Tel: 6 082 440488 | Fax: 6 082 440484

Email: [librarian@sarawaknet.gov.my](mailto:librarian@sarawaknet.gov.my)

Website: [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com)







**Vision**

To be the reservoir and fountain of information and knowledge for the State

**Visi**

*Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.*

**Mission**

To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak

**Misi**

*Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak*

**Objective<sup>1</sup>**

To promote acculturation of knowledge in the State.

**Objektif**

*Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.*

**Target**

To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.

**Sasaran**

*Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui Pustaka Negeri Sarawak.*



## Message from the Chairman

On behalf of the Library Board of Management, I am pleased to present this report on the activities and performance of Pustaka Negeri Sarawak for the 2009 financial year. Our organizational focus for the year was towards this end advancing the level of THE STATE'S INTELLECTUAL CAPITAL. We went for information literacy skill programs and vigorously broadened the usage of the online databases throughout the State. At the same time, in order to adjust to changing times we have been reassessing our roles and strategies.

Together with 6 other libraries in Malaysia, we participated in the Ubiquitous library ( U Library ). On the quality initiatives that we have continuously carried out in our pursuit for a high performance culture in Pustaka, we have successfully obtained the MS ISO 9001:2008 certification in April and embarking towards achieving the 5S practice certification by the end of 2010. During this period, the Library has been involved with a number of significant developments with some overseas visitors who came to be benchmarked against us.

We have also done some benchmarking visits to libraries in Sabah and Brunei in an effort to gain new insights about how other libraries accomplished their missions and be an effective agent of change. As always, funding for libraries remains a critical issue for the Libraries and the library community. The growing demands on library services cannot be met without increased funding at the federal, state and local level. Libraries are widening the variety of materials available to their patrons, and serving greater numbers of people from diverse backgrounds in their communities. Other ongoing challenges include the need to educate the public on the importance of libraries – to have more people use the library; the need for additional high-quality e-resources, to support learning and decision-making; the need for sufficient library staff to do more outreach and information literacy skills programs; and the need for a single online statewide library system that can allow the effective sharing of resources throughout the State.

As a measure to overcome some of these shortcomings, Pustaka continues to partner with our colleagues from the Library Service areas, Department of Education and other Agencies as we continue to promote excellence and innovation in library services for the library community.

This report highlights some of our accomplishments; initiatives and priorities of the 2009 that may help us forge a path to a stronger foundation for our State in later years. As the Chairman, I would like to thank the Library Board members for their contributions, the staff for their commitment and professionalism and individuals who have contributed in bringing our success in 2009. It's been yet another memorable year for us.

Please access our website [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com) for details of services.



Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo  
Chairman  
Board of Management  
Pustaka Negeri Sarawak







Bagi pihak Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, dengan bangganya saya kemukakan laporan aktiviti dan prestasi Pustaka bagi tahun kewangan 2009. Fokus kami tahun ini adalah **MEMPERTINGKATKAN TAHAP MODAL INTELEKTUAL NEGERI SARAWAK**. Kami telah melaksanakan program Literasi maklumat dan telah memperluaskan penggunaan pangkalan data dalam talian ke seluruh negeri Sarawak. Pada masa yang sama, kami telah menilai semula peranan dan strategi bagi menyesuaikan diri dengan perubahan semasa.

Pustaka turut terlibat dalam Perpustakaan Ubiquitous (U Library) bersama-sama dengan enam buah perpustakaan lain di Malaysia. Dalam inisiatif-inisiatif kualiti yang dilaksanakan untuk mencapai budaya kerja yang berprestasi tinggi, kami telah berjaya dipertijilkan MS ISO 9001:2008 pada April 2009. Selain daripada itu, usaha juga telah dipergiatkan untuk mendapat pensijilan amalan SS pada penghujung tahun 2010. Pada tahun ini, Pustaka telah ditanda aras oleh pihak dari luar negara. Ini merupakan perkembangan yang amat ketara serta membanggakan.

Pustaka juga telah mengadakan lawatan penanda aras ke Sabah dan Brunei untuk mendapat ilham bagaimana perpustakaan perpustakaan di kedua-dua tempat mencapai misinya selain daripada menjadi agen perubahan yang efektif.

Peruntukan kewangan, seperti biasa adalah isu kritikal bagi perpustakaan dan komunitinya. Permintaan yang tinggi terhadap perkhidmatan sukar dipenuhi tanpa peningkatan peruntukan yang seiring dari kerajaan persekutuan, negeri dan tempatan. Perpustakaan-perpustakaan telah berusaha untuk mempelbagaikan jenis serta format bahan-bahan perpustakaan untuk penggunaannya, dan memberi perkhidmatan kepada pelanggan dari pelbagai latar belakang dalam komunitinya.

Cabaran-cabaran masa kini lain yang turut dihadapi oleh perpustakaan adalah keperluan untuk mendidik orang awam mengenai kepentingan perpustakaan - mempertingkatkan penggunaan perpustakaan; keperluan perolehan sumber-sumber elektronik yang berkualiti untuk pembelajaran serta proses membuat keputusan; keperluan kakitangan yang mencukupi untuk menjalankan lebih banyak program jangkauan ilmu dan program kemahiran literasi maklumat; dan keperluan sistem induk pengurusan perpustakaan yang membolehkan perkongsian sumber di kalangan perpustakaan di seluruh negeri Sarawak.


Untuk menangani cabaran-cabaran ini, seterusnya, menggalak kecemerlangan dan inovasi dalam perkhidmatan perpustakaan bagi komuniti perpustakaan, Pustaka sentiasa bekerjasama dengan rakan-rakan pintar dalam bidang perkhidmatan maklumat, Jabatan Pendidikan serta agensi-agensinya.

Laporan ini menyetujui pencapaian-pencapaian utama, inisiatif-inisiatif penting serta keutamaan Pustaka dalam tahun 2009 yang dapat membantunya membina asas yang lebih kukuh pada tahun yang akan datang untuk negeri Sarawak. Sebagai Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengurusan di atas sumbangan mereka, kakitangan Pustaka di atas komitmen dan keprofesionalisma mereka, termasuk usaha-usaha individu yang telah menyumbang kepada kejayaan pada tahun 2009. Ia merupakan tahun yang akan sentiasa diingati pada tahun-tahun akan datang.

Anda boleh lawati laman web kami di [www.pustaka-sarawak.com](http://www.pustaka-sarawak.com) untuk maklumat lanjut berhubung perkhidmatan yang kami tawarkan.

Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo  
Pengerusi  
Lembaga Pengurusan  
Pustaka Negeri Sarawak

## Organizational Chart / Carta Organisasi





**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo**

Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak  
*Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak*

**YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani**

Sarawak State Secretary  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak*



**YBhg. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen**

Senior Lecturer MARA University of Technology, Sarawak  
*Pensyarah Kanan Universiti Teknologi MARA, Sarawak*

**Encik Sunny Si**

Si & Associates  
Advocates & Solicitors  
Commissioner for Oath  
*Peguambela & Peguamcara  
Pesuruhjaya Sumpah  
Tetuan Si dan Rakan-Rakan*







**Encik Nicholas Patrick**

Advisor  
Ministry of Environment and Public Health  
*Penasihat  
Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam*

**Cik Lucy Wong Mee Ling**

Head, Business Development & Corporate  
Communications  
Sarawak Information Systems Sdn.Bhd  
*Pengurus Pembangunan Perniagaan  
Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)*



**YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar**

Director General  
National Library of Malaysia  
*Ketua Pengarah  
Perpustakaan Negara Malaysia*



## The Management Staff / Pihak Pengurusan



**Japri Bujang Masli**  
Acting Chief Executive Officer  
*Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif*



From left:

- Nesly Rebid** (Head of Sector, Corporate Management)  
**Arpah Adenan** (Head of Sector, Depository Services)  
**Japri Bujang Masli** (Acting Chief Executive Officer)  
**Wan Mazli Wan Razali** (Head of Sector, Information & Communication Technology)  
**Hayati Sabil** (Head of Sector, Library Services)

Dari kiri:

- Nesly Rebid** (Ketua Sektor Pengurusan Korporat)  
**Arpah Adenan** (Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori)  
**Japri Bujang Masli** (Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif)  
**Wan Mazli Wan Razali** (Ketua Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi)  
**Hayati Sabil** (Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan)

## Corporate Highlights / Pencapaian Korporat

### Pustaka Migrated To MS ISO 9001:2008 1 April 2009

After being MS ISO 9001:2000 certified just over a year ago, Pustaka has now migrated to MS ISO 9001:2008. This is yet another mile stone in Pustaka's quality journey in efforts for continuous improvement and providing excellence service to the public. To mark the migration, a soft launch was held on 1 April 2009 which also denotes the use of this new version of MS ISO 9000 across the board. The brief ceremony witnessed the handing over of documented procedures to Acting Chief Executive Officer, Encik Japri Bujang Masli by the Quality Management Representative, Puan Laurena Aloh.



### Penghijrahan Ke MS ISO 9001:2008

Setelah dipersijilkan MS ISO 9001:2000 setahun yang lepas, Pustaka telah berhijrah dengan jayanya kepada MS ISO 9001:2008. Ini merupakan satu lagi pencapaian utama Pustaka dalam perjalanan kualitinya ke arah penambahbaikan berterusan dan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada orang awam. Satu majlis ringkas telah diadakan pada 01 April 2009 untuk menanda tarikh rasmi penghijrahan tersebut. Tarikh berkenaan juga merupakan titik permulaan versi MS ISO 9001:2008 digunakan sepenuhnya di Pustaka. Semasa majlis ringkas tersebut, penyerahan dokumen-dokumen kualiti telah dilakukan oleh Puan Laurena Aloh, Wakil Pengurusan kepada Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif.



### Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) 2008

Pustaka first participated in this award earlier in June 2008. This award is the highest recognition given to the State Public Sectors that practice and maintain total excellence in the administration of their respective organizations as well as possessing the ability to deliver quality service to customers. On 20 February 2009, Pustaka was assessed by a panel of judges led by the Director of MAMPU, Sarawak, Tuan Haji Mohd. Shahabuddin b. Omar. A special presentation was held at the Sarawakiana Room by Encik Japri Bujang Masli, Acting Chief Executive Officer.

### Anugerah Kualiti Ketua Menteri Sarawak (AKKMS) 2008

Pustaka mula menyertai anugerah pada Jun 2008. Anugerah ini merupakan pengiktirafan tertinggi yang diberikan kepada jabatan atau agensi dalam sektor awam negeri yang telah mencapai kecemerlangan menyeluruh dalam pentadbiran serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. Pada 20 Februari 2009, Pustaka telah dikunjungi oleh panel penilai yang diketuai oleh Pengarah MAMPU, Cawangan Sarawak, Tuan Haji Mohd. Shahabuddin Omar. Satu sesi pembentangan khas telah dilakukan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif di bilik Sarawakiana.

## Activities Around Pustaka / Aktiviti-Aktiviti Pustaka

### Japanese Culture And Heritage At The Library

A Japanese Pottery exhibition from 20 February - 14 March 2009 was held at Pustaka in collaboration with the Japanese Embassy. The touring exhibition entitled The Rising Generation From Traditional Japanese Kilns showcased around 70 works from 35 artists active in seven major traditional kiln sites in Japan. The theme of the exhibition focused on 'vessels', endeavoring to show how ceramic artists understand the function of vessels, the better to understand the present situation, and the future of Japanese pottery.



### Kebudayaan dan Warisan Jepun di Pustaka

Pameran Tembikar Jepun telah diadakan di Pustaka pada 20 Februari - 14 Mac 2009 dengan kerjasama Kedutaan Jepun. Pameran bergerak yang bertajuk The Rising Generation From Traditional Japanese Kilns ini mempamerkan 70 hasil karya 35 pakar seni yang bergiat aktif di tujuh buah kilang tradisional di Jepun. Tema pameran tersebut tertumpu kepada "vessels" atau bekas simpanandan ia mengetengahkan pemahaman pakar seramik mengenai fungsi "vessels". Pameran ini bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai keadaan sedia ada dan masa depan seni tembikar Jepun.





### **Video Conference - Women In Entrepreneurship : Secret To Success**

A digital video conferencing (DVC) on the topic : Women In Entrepreneurship - Secret To Success by Tayibbah Taylor on 11 February 2009. The video conferencing was a 90-minute live discussion with Tayibbah Taylor located in Atlanta (Georgia, USA) and with panelists and audiences at the Lincoln Corners in KL, Kedah and Sarawak.

### **Persidangan Video - Women in Entrepreneurship : Secret To Success**

Sebuah persidangan video mengenai Women In Entrepreneurship - Secret To Success oleh Tayibbah Taylor telah diadakan pada 11 November 2009. Persidangan video selama 90 minit ini merupakan siaran secara langsung perbincangan di antara Tayibbah Taylor yang berada di Atlanta, Georgia, Amerika Syarikat dengan ahli panel serta penonton yang berada di Lincoln Corner Kuala Lumpur, Kedah dan Sarawak.

### **'The Enchanting Land : An image Tour' , Art Exhibition @ The Library**

A collaboration with SK Chin, a Sarawak based photographer held a month long exhibition themed 'The Enchanting Land : An Image Tour' at the Library, from 5 January - 5 February 2009. The subjects of the exhibition included people, activities, cultures, buildings and some of her old favourite scenic pictures. The same program was also held in Miri on 13 September.

### **Pameran 'The Enchanting Land : An Image Tour'**

Sebuah pameran yang bertema 'The Enchanting Land : An Image Tour' at the Library' telah diadakan pada 5 Januari - 5 Februari 2009 dengan kerjasama S. K. Chin, seorang jurufoto yang berpejabat di Sarawak. Orang, aktiviti, budaya, bangunan dan pemandangan merupakan subjek gambar - gambar yang telah dipamerkan. Pameran yang sama turut diadakan di Pustaka Miri pada 13 September 2009.



### **School Holiday English Camp**

A School Holiday English Camp was organized on 18 March 2009 with the U.S. Embassy Kuala Lumpur at Pustaka's Lincoln Corner Sarawak. This program was targeted at the upper secondary school students to improve their English language communication skills. Students were engaged in various speaking and listening activities throughout the day. The group activities also included an 'Info Hunt' that enabled participants to enhance their resource and library information skills.

### **Perkemahan Bahasa Inggeris Sempena Cuti Sekolah**

Perkemahan Bahasa Inggeris Sempena Cuti Sekolah telah dianjurkan pada 18 Mac 2009 di Pustaka dengan kerjasama Kedutaan Amerika Syarikat. Kumpulan sasaran perkhemahan ini adalah pelajar sekolah menengah atas. Ia bertujuan untuk mempertingkatkan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris di kalangan peserta. Pelajar-pelajar yang terlibat telah didedahkan kepada berbagai aktiviti komunikasi sepanjang perkhemahan tersebut. Turut diadakan adalah 'Info Hunt', sebuah aktiviti berkumpulan yang bertujuan untuk mempertajamkan kemahiran literasi maklumat para peserta.





### **Donating books collected through the "Books-4-U" Project to LKAYS Miri**

Handover of books collected from the "Books-4-U" Project which was jointly organized by Mega Hotel and Pustaka Miri during last year-end festive season. Some 150 books were handed over to Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Negeri Sarawak (LKAYS) Miri at the Kompleks Kebajikan Hamidah, on 19 February 2009. The objectives were to give an opportunity to the community in doing a charitable deed by donating books as well as encouraging healthy reading habit, especially amongst children and the younger generation.

### **Sumbang Buku Projek "Books-4-U" Kepada LKAYS Miri**

Pustaka Miri dengan kerjasama Mega Hotel, Miri telah berjaya mengumpul 150 naskhah buku melalui projek "Books-4-U" pada penghujung tahun 2009. Buku-buku berkenaan telah disumbangkan kepada Lembaga Kebajikan Anak-anak Yatim Negeri Sarawak (LKAYS) yang berpejabat di Kompleks Kebajikan Hamidah pada 19 Februari 2009. Tujuan projek ini adalah untuk memberi peluang kepada komuniti untuk melakukan kerja-kerja amal, disamping menggalak tabiat suka membaca di kalangan kanak-kanak dan generasi muda.

### **Outreach Program In Bario**

The Information Service Unit in Miri carried out an outreach program to Bario encompassing schools such as SMK Bario, SK Batu Bungan in Mulum and three other schools in Bintulu.

### **Program Jangkauan Ilmu Di Bario**

Unit Perkhidmatan Maklumat Pustaka Miri telah mengadakan program jangkauan ilmu di Bario. Program ini melibatkan Sekolah Menengah Kerajaan Bario, Sekolah Kebangsaan Batu Bungan di Mulum serta beberapa buah sekolah lain di kawasan tersebut.



### **Rumpun Kenyalang Art Exhibition**

A month-long art exhibition entitled Rumpun Kenyalang 2009 was held in Pustaka Miri from 20 April – 20 May 2009 with seven (7) local talented artists displaying their artworks. It was launched by State Assembly Member (ADUN) for N61 Bekenu.

### **Pameran Seni Halus "Rumpun Kenyalang"**

Sebuah pameran yang bertajuk "Rumpun Kenyalang 2009" telah diadakan di Pustaka Miri selama sebulan, dari 20 April – 20 Mei 2009. Seramai tujuh orang pakar seni halus tempatan telah mempamerkan karya masing-masing di pameran tersebut. Pameran telah dilancarkan oleh Ahli Dewan Undang Negeri (ADUN) N61 Bekenu.



## Warisan Budaya Tempatan' Local content Competition

Nine (9) secondary schools in Miri City took part in "Local Culture Heritage" (Warisan Budaya Tempatan) Competition 2009 organized by Pustaka Miri. The competition was aimed to train students with Information Literacy Skills (ILS) as to enable them to become information savvy students as well as understand their needs for information in self-development.



## Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2009

Sembilan buah sekolah telah mengambil bahagian dalam Pertandingan Warisan Budaya Tempatan 2009 yang telah dianjurkan oleh Pustaka Miri. Pertandingan ini bertujuan untuk melatih pelajar mengenai kemahiran literasi maklumat supaya mereka celik maklumat dan berkebolehan untuk memahami keperluan maklumat bagi pembangunan sendiri.



## Sarawak Beads Exhibition

"The Beautiful Art of Sarawak Beads" exhibition was held on 18 - 31 May 2009 in conjunction with the Miri May Fest 2009. The exhibition featured the works and collections of seven (7) local beads artists and enthusiasts. The exhibition was officiated by the Assistant Minister of Infrastructure Development and Communications.

## Pameran Manik Sarawak

Pameran manik yang bertajuk "The Beautiful Art of Sarawak Beads" telah diadakan pada 18 - 31 Mei 2009 bersempena dengan Pesta Bulan Mei Miri 2009. Karya tujuh orang pakar seni serta pengemar seni manik telah dipamerkan di pameran tersebut. Pameran ini telah dirasmikan oleh Menteri Muda Pembangunan Infrastruktur dan Perhubungan.



## Sarawak Folktale Writing Competition 2008

Team Anak Kenyalang from Bintulu was declared the champion for Sarawak Folktale Writing Competition 2008 and they took home the grand prize of RM1,200. Anak Kenyalang, comprising four (4) group members, submitted their entry on an Iban folktale from Lubok Antu entitled Batu Kudi (Batu Ribut). Jointly organized by Warisan Global Sdn. Bhd and Pustaka, as to challenge aspiring writers around Sarawak to capture folk stories that they have heard from their elders and record them in written form.

## Pertandingan Menulis Cerita Rakyat Sarawak 2008

Kumpulan Anak Kenyalang dari Sekolah Menengah Kerajaan Bintulu telah dilsyiharkan juara Pertandingan Menulis Cerita Rakyat Sarawak 2008. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM1,200 serta sijil. Kumpulan empat orang pelajar ini telah menghantar cerita rakyat Sarawak yang bertajuk "Batu Kudi (Batu Ribut)". Pertandingan ini, dianjurkan bersama oleh Warisan Global Sdn. Bhd. dan Pustaka. Ia bertujuan untuk mencukil bakat-bakat baru dalam penulisan cerita-cerita rakyat Sarawak.





### Knowledge Camp 2009

Knowledge Camp 2009 was held in Miri on 18 to 19 April 2009 and in Kuching from 30-31 May 2009 respectively as one of its efforts to promote the acculturation of knowledge. Among activities held included information literacy session, team building, career development talk, civic talk, aerobics, using creativity in performances and others. The participants were students aging from 15-17 years old for Kuching while in Miri, the primary three pupils were the target group.

### Perkemahamhan Ilmu 2009

Perkemahamhan Ilmu 2009 telah diadakan di Pustaka Miri pada 18 - 19 April 2009 dan di Kuching pada 30 - 1 Mei 2009, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memupuk pembudayaan ilmu. Antara aktiviti yang telah diadakan semasa program ini adalah sesi literasi maklumat, bina semangat, ceramah pembangunan kerjaya, ceramah sivik, sesi senaman aerobik, penggunaan kreativiti dalam persembahan dan lain-lain. Peserta di Kuching terdiri daripada pelajar yang berumur di anantara 15 - 17 tahun, sementara di Miri, pesertanya adalah pelajar sekolah rendah.



### Visit By US Ambassador

Mr Robert G. Rapson, Deputy Chief of Mission US Embassy visited the library on 7 November. It was his maiden visit to the library and this brief visit was to see for himself the developments of Pustaka's Lincoln Corner.

### Lawatan Duta Amerika Syarikat

Encik Robert G. Rapson, Timbalan Chief of Mission, Kedutaan Amerika Syarikat telah melawat Pustaka pada 7 November 2009. Lawatan singkat ini merupakan yang pertama kali dilakukan oleh beliau untuk melihat sendiri perkembangan Lincoln Corner di Pustaka.



### Visit from Library, Pontianak / Golontalo-Sulawesi

Pustaka was visited by a group of 33 officers from Perpustakaan Indonesia ( GRONTOLO - SULAWESI ) on 4 November 2009. Another group comprising of 70 participants from Perpustakaan Pontianak study-toured Pustaka on 07 November 2009.

### Lawatan Dari Perpustakaan Pontianak /Grontolo-Sulawesi

Lawatan sambil belajar 33 orang pegawai perpustakaan dari Perpustakaan Indonesia ( GRONTOLO - SULAWESI ) pada 4 November dan dari Perpustakaan Pontianak seramai lebih kurang 70 orang pada 7 November 2009.





## Knowledge Festival and Customer Day in Kota Samarahan

Knowledge Festival and Customer Day held at Pesantren Abdul Taib Mahmud, Sadong Jaya, Kota Samarahan on 23 May. Activities held included four sessions of information literacy classes for students and the community, My Favourite Read program, e-library session, exhibition on services and quizzes. The festival aimed to create awareness to students, teachers, and the community on the role of the library as an information and reference center, to generate learning environment through activities organized and to give guidance on library management practices for resource center.



## Festival Ilmu dan Hari Bersama Pelanggan di Kota Samarahan

*Festival Ilmu dan Hari Bersama Pelanggan di Kota Samarahan telah diadakan di Pesantren Abdul Taib Mahmud, Sadong Jaya, Kota Samarahan pada 23 Mei 2009. Antara aktiviti yang telah dijalankan semasa festival ini adalah 4 sesi literasi maklumat untuk pelajar dan ahli komuniti, Program Bacaan Kegemaran Saya, pameran perkhidmatan dan kuiz. Festival tersebut bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pelajar, guru serta ahli komuniti mengenai peranan penting perpustakaan sebagai pusat maklumat dan rujukan pengwujud persekitaran pembelajaran yang kondusif melalui aktiviti yang dianjurkan memberi panduan mengenai amalan-amalan pengurusan perpustakaan untuk pusat sumber sekolah.*



## My Favourite Read at the State Library

My Favourite Read Program at the State Library on 14 May 2009 was in collaboration with Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak. The speakers who delivered their favourite read books are Dr Jeniri Amir from Unimas, Encik Abang Halliman Abang Julai from Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak and Encik Razak Rambili from Pustaka Negeri Sarawak. The program was moderated by Puan Noor Zalihah Binti Pandak Abdul Jalal, a lecturer from Batu Lintang Teachers Training Institute.

## Program Bacaan Kegemaran Saya di Pustaka

*Program Bacaan Kegemaran Saya di Pustaka telah diadakan pada 14 Mei 2009 dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak. Pembentang pembentang terdiri daripada Dr. Jeniri Amir dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Encik Abang Halliman Abang Julai dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Sarawak dan Encik Razak Rambili dari Pustaka. Puan Noor Zalihah Binti Pandak Abdul Jalal, seorang pensyarah dari Institut Perguruan Batu Lintang merupakan moderator bagi program ini.*





### **Puppet Shows By Finish Puppeteer**

A Finnish puppeteer from Puppet Theatre Sytkyt, Finland on 6th November 2009. The Puppet Show with Juha Laukkanen was held in Kuching and Miri. Puppet workshop for kindergarten children and teachers was also held on the same day. Juha is an elected UNICEF goodwill ambassador and has travelled around the world to perform including Thailand, Singapore, Egypt and China.



### **Pertunjukan Boneka Oleh Pakar Boneka Dari Finland**

Pertunjukan Boneka Bersama Juha Laukkanen telah diadakan di Kuching dan Miri. Turut diadakan pada hari yang sama adalah bengkel boneka untuk pelajar dan guru tadika. Juha merupakan duta muhibah yang diperkenankan oleh UNICEF dan beliau menjelajah dunia untuk membuat persembahan. Beliau pernah membuat pertunjukan di Thailand, Singapura, Mesir dan Cina.

### **Exhibition on 'Melanau Pelatou' at the State Library**

Exhibition on "Melanau Pelatou" 15 Jan – 22 Jan 2009 by Sarawakiana Unit, Technical Services. Pelatou is a traditional a-likou Melanau ritual conducted by an a-bayoh (shaman or spirit medium) in the period following a death.

### **Pameran 'Pelatou Melanau'**

Pameran 'Pelatou Melanau' telah diadakan pada 15 – 22 Januari 2009 oleh Unit Sarawakiana Bahagian Perkhidmatan Teknikal. Pelatou merupakan upacara tradisional a-likou Melanau yang disempurnakan oleh seorang a-bayoh (bomoh atau pawang) semasa kematian seseorang.



### **Lithograph Collections at Bastin Collection Room**

Lithograph collections at Bastin Collection Room, Close stack, Sarawakiana on 20 February 2009.

### **Koleksi Litograf di Bilik Koleksi Bastin**

Koleksi Litograf di Bilik Koleksi Bastin, Stak Tertutup pada 20 Februari 2009



### **Sandakan Books delivered to Pustaka**

Two books on the adventure of 'SANDOKAN' were delivered to Pustaka Negeri Sarawak on 24th of December 2009. The books received by Puan Hayati Sabil, Sector Head of Library services, from Nico Lorenzutti of ROH Press.



### **Buku-Buku Sandokan Disumbang kepada Pustaka**

Dua buah buku mengenai pengembaraan 'SANDOKAN' telah disumbangkan kepada Pustaka pada 24 Disember 2009. Buku-buku tersebut telah diterima oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan dari Nico Lorenzutti, wakil ROH Press.



### **Online Database Training Talk , Training & Promotion / Latihan, Ceramah & Promosi Pangkalan Data Dalam Talian**

#### **Online Databases Training / Latihan Pangkalan Data Dalam Talian**

- 29 April 2009 - SMK Matu / 29 Mei 2009 - SMK Matu
- 23 May 2009 - SMK Pesanteren / 23 Mei 2009 - SMK Pesantren

#### **Online Database Talk by Access Dunia / Ceramah Pangkalan Data Dalam Talian oleh Access Dunia**

- 27 May 2009 (Pustaka) / 27 Mei 2009 (Pustaka)

#### **Esther Promotion / Promosi Esther**

- 28 July 2009 (Pustaka) / 28 Julai 2009 (Pustaka)

#### **Emerald Promotion / Promosi Emerald**

- 29 July 2009 (Pustaka) / 29 Julai 2009 (Pustaka)

#### **Online Databases Talk by Access Dunia / Ceramah Pangkalan Data Dalam Talian oleh Access Dunia**

- 28 July 2009 (Pustaka) / 18 Julai 2009 (Pustaka)

#### **Online Database Promotion @ Sarawak Biodiversity Centre / Promosi Pangkalan Data Dalam Talian @ Sarawak Biodiversity Centre**

- 19 October 2009 / 19 Oktober 2009

#### **Online Database Talk by Access Dunia / Ceramah Pangkalan Data Dalam Talian oleh Access Dunia**

- 30 October 2009 (Pustaka) / 30 Oktober 2009 (Pustaka)



## Archives Management Highlights / Pencapaian Pengurusan Arkib



### Exhibition on Archives / Pameran Arkib

Archives Exhibition on the Formation of Malaysia From Sarawak's Perspective held in collaboration with the National Archives of Malaysia, Sarawak Branch.

*Pameran Arkib berkenaan Penubuhan Malaysia Dari Perspektif Sarawak pada 11 – 30 September 2009 di Pustaka Negeri Sarawak dengan Kerjasama Arkib Negara Malaysia, Cawangan Sarawak*

Archives Exhibition on the Preservation of Public Records of Archival Value in Pustaka Negeri Sarawak on 23 - 24 November 2009 at Kingwood Hotel, Mukah.

*Pameran Arkib berkenaan Pemeliharaan Rekod Awam yang bernilai di Pustaka Negeri Sarawak pada 23 - 24 November di Kingwood Hotel, Mukah.*

The exhibition aimed to create public awareness on the importance of preserving public records of archival and historical values for future reference and research. It also highlighted the history of Sarawak in the hope to instill patriotism among the people of Sarawak. The exhibition also helped to explain the roles and functions of Pustaka as a State Records Repository that keeps and preserves state public records of historical and reference values.

*Pameran ini bertujuan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai betapa pentingnya pemeliharaan ke atas rekod-rekod awam yang mempunyai nilai-nilai sejarah bagi rujukan dan penyelidikan generasi akan datang. Pameran ini juga adalah untuk memberi maklumat dan fakta sejarah berkaitan dengan sejarah Negeri Sarawak bagi menanam semangat cintakan Negara. Selain itu, orang awam juga diberi pendedahan tentang fungsi dan peranan Pustaka Negeri Sarawak sebagai Repositori Rekod Negeri yang menyimpan dan memelihara rekod-rekod awam yang bernilai sejarah dan rujukan.*



## Legal Deposits Highlights / Pencapaian Penyerahan Bahan

### Seminar on Legal Deposits held in Mukah / Seminar Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan di Mukah



Pustaka and Mukah Resident Office successfully held Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan in Mukah on 23 - 24 November 2009. Six seminar papers were presented, and these were "Introduction to Legal Deposit of Publication in Sarawak", "Sarawak State Library Ordinance 1999", "Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986", "Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984", "Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986" dan "Harta Intelekt". The paper presenter were from the National Library of Malaysia, Ministry of Internal Affairs, Ziyad Muhammad & Co. and the Malaysia Intellectual Property Corporation. The seminar was attended by 120 participants comprising of publishers, writers, members of associations of writers, officers from government departments and private firms, academicians from institutes of higher learning and heads of communities.





Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Pejabat Residen Mukah telah menganjurkan Seminar Kesedaran Penyerahan Bahan-Bahan Terbitan di Mukah pada 23 dan 24 November 2009. Terdapat enam kertas kerja yang dibentangkan iaitu 'Introduction to Legal Deposit of Publication in Sarawak', 'Sarawak State Library Ordinance 1999', 'Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986', 'Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984', 'Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986' dan 'Harta Intelek'. Para pembentang adalah terdiri daripada beberapa organisasi iaitu daripada Perpustakaan Negara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, Ziyad Muhammad & Co. dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Sambutan yang diterima daripada peserta seminar adalah amat menggalakkan iaitu sebanyak 120 orang peserta yang menghadiri seminar. Para peserta adalah terdiri daripada penerbit, penulis swasta & persendirian, persatuan penulis, jabatan kerajaan, agensi swasta, institusi pengajian tinggi dan ketua-ketua masyarakat.

## **Management Highlights / Pencapaian Pengurusan Rekod**

### **Photographs of Participants and Activities during the 'Kursus**

### **Pengurusan Rekod Dan Fail Yang Efektif at Pustaka' /**

### **Gambar Aktiviti Semasa Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail Yang Efektif Di Pustaka Negeri Sarawak.**



The Records Management Division of the Depository Services Sector had successfully organised the Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail Yang Efektif on the 1 - 2 December 2009 and 3 - 4 December 2009 at Pustaka. 43 participants from various government departments and agencies attended the course. It was conducted by S. Adikalsamy, a retired records manager from the National Archives of Malaysia. S. Adikalsamy has wide experiences on records and archives management. This course aimed to expose participants to effective files and records management practices and approaches. This two-day course was divided into two sessions and course participants were given ample exercises, hand-ons and group works to better experience the course contents.

Bahagian Pengurusan Rekod, Sektor Perkhidmatan Depositori, telah menganjurkan Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail Yang Efektif pada 1 - 2 dan 3 - 4 Disember 2009 yang telah diadakan di Bilik Seminar, Pustaka Negeri Sarawak. Seramai 43 orang peserta daripada pelbagai jabatan dan agensi Kerajaan Negeri Sarawak telah mengikuti kursus tersebut yang dikendalikan oleh Mr. S. Adikalsamy, iaitu bekas pegawai arkib di Arkib Negara Malaysia yang mempunyai pengalaman yang luas di dalam bidang pengurusan rekod dan arkib. Kursus ini telah memberikan pendedahan kepada peserta berkenaan pengurusan fail dan rekod mengikut kaedah dan cara yang betul. Namun apa yang penting dalam kursus ini adalah bagi menyelaras sistem fail dan rekod di peringkat jabatan dan agensi kerajaan supaya lebih teratur dan tersusun mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Kursus selama dua hari tersebut yang dibahagikan kepada 2 kumpulan telah memberikan peluang kepada pegawai dan kakitangan kerajaan negeri dalam mengemaskini pengurusan fail dan rekod di peringkat jabatan dan agensi masing-masing. Peserta juga telah diberikan latihan dan pendedahan melalui aktiviti berkumpulan dalam penyelesaian masalah berkaitan fail dan rekod di peringkat jabatan dan agensi. Kaedah ini mampu memberikan kefahaman dalam masalah yang wujud berkaitan fail dan rekod serta memudahkan penyelarasan sistem pengurusan fail dan rekod jabatan dan agensi. Melalui kursus ini, objektif utama dalam menganjurkan Kursus Pengurusan Rekod Dan Fail Yang Efektif dapat menyelaraskan sistem fail dan rekod dan mencapai matlamat seperti yang disarankan oleh Pustaka Negeri Sarawak.



## Statistical Summary / Ringkasan Statistik

### • Corporate Statistical Summary / Ringkasan Statistik Korporat

Staff Strength as of 31 December 2009 / Kakitangan Setakat 31 Disember 2009

|          | Permanent / Tetap (JBC) | Volunteer / Sukarelawan | Contract / Kontrak | Total / Jumlah |
|----------|-------------------------|-------------------------|--------------------|----------------|
| December | 97                      | 3                       | 46                 | 146            |

### Types of Training Conducted / Jenis Latihan

|  | 2008       | 2009       |
|--|------------|------------|
| General Training / Kursus Umum                               | 25         | 28         |
| HR Training / Kursus Pembangunan Sumber Manusia              | 6          | 12         |
| ICT Training / Kursus ICT                                    | 15         | 7          |
| Q/ISO Training / Kursus Kualiti                              | 21         | 21         |
| Information Management Training / Kursus Pengurusan Maklumat | 23         | 24         |
| Induction Training / Kursus Induksi                          | 3          | 2          |
| Study Trip / Lawatan Sambil Belajar                          | 0          | 2          |
| Financial / Audit Training / Kursus Pengurusan Kewangan      | 7          | 1          |
| Attachment Training / Kursus Sangkutan                       | 4          | 3          |
| Orientation Training / Kursus Orientasi                      | 2          | 0          |
| <b>Total / Jumlah</b>  | <b>106</b> | <b>100</b> |

### Number of Training Conducted / Jumlah Latihan

|  | 2008 | 2009 |
|--|------|------|
| No. of training conducted / Jumlah kursus dijalankan | 106  | 110  |
| No. of staff trained / Jumlah staf dilatih           | 121  | 157  |

### Usage of Facilities in Pustaka Negeri Sarawak / Penggunaan Kemudahan Pustaka Negeri Sarawak

| No | Facilities / Fasiliti                             | 2008        | 2009        |
|----|---|-------------|-------------|
| 1  | Auditorium / Auditorium                           | 60          | 68          |
| 2  | Conference 1 / Persidangan 1                      | 30          | 32          |
| 3  | Conference 2 / Persidangan 2                      | 26          | 17          |
| 4  | Conference 3 / Persidangan 3                      | 10          | 7           |
